



BULETIN INFORMASI PERBADANAN PUTRAJAYA

BULETIN PPj

EDISI BAHARU

• KELUARAN 2 2019



Sidang REDAKSI

KETUA EDITOR



YM Tengku Aina binti YTM Tengku Ismail Shah

EDITOR



Puan Haryani
binti Kaulan



Cik Siti Nurul
Azzua binti Tamjis

URUS SETIA SOKONGAN TEKNIKAL (ICT)



Encik Amran
bin Ashaari



Puan Syalinda binti
Abu Hassan Al Shaari



Encik Rosmaidi
bin Rimin

GRAFIK DAN REKA BENTUK



Puan Zuraida
binti Zainol

PENULIS



Encik Khalilurrahman
bin Kamaruz-zaman



Puan Nor Azimah
binti Jamaluddin



Encik Asmawi
bin Ahmad



Encik Adi Khirman
bin Marji



Encik Mohd Fairus
bin Mohd Padzil



Puan Norhaliza
binti Hanifah



Puan Nur Nisha
binti Mohd Idrus



Puan Fadhlul Jannah
binti Abd Karim



Puan Wan Aslina
binti Wan Awang



Encik Mohd Faizal
bin Ab. Wahab Chu



Puan Jane Jasmin
binti Benjamin Yuen



Encik Muhammad
Shurazi bin Sukhur

ISI KANDUNGAN

- Piala Dunia FIT Touch Putrajaya 3
- Sambutan Ramadan di Putrajaya Meriah 4
- Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri di Seri Perdana 5
- Anugerah Gerai Wow Tingkat Kesedaran Peniaga Bazar 6
- Town Hall & Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Peringkat Putrajaya 7
- Hari Sarapan Malaysia MILO® 2019 Bermula Di Putrajaya 8

PERTANYAAN

Sidang redaksi *Buletin Perbadanan Putrajaya* mengalu-alukan komen, ulasan dan sumbangan dari semua pembaca

Email pertanyaan hendaklah ditujukan kepada:

ppjonline@ppj.gov.my

Bahagian Komunikasi Korporat,
Jabatan Perkhidmatan Korporat,
Perbadanan Putrajaya,
24, Persiaran Perdana,
Presint 3, 62675 Putrajaya.

Untuk maklumat lanjut, sila layari:



www.ppj.gov.my



[Facebook/putrajaya](https://www.facebook.com/putrajaya)



[Twitter@putrajayacorp](https://twitter.com/putrajayacorp)



[Youtube/perbadananputrajaya](https://www.youtube.com/perbadananputrajaya)



[Instagram/perbadananputrajaya](https://www.instagram.com/perbadananputrajaya)

Piala Dunia FIT Touch Putrajaya

Federation of International Touch (FIT) kagum dengan keseluruhan penganjuran Piala Dunia FIT Touch Kesembilan yang berlangsung di Taman Equestrian Putrajaya dari 29 April hingga 4 Mei 2019.

Presiden FIT, Erick Acker memuji jawatankuasa penganjur kerana melaksanakan tugas dengan baik dalam menganjurkan acara tersebut buat julung kalinya. Acker berterima kasih kepada Kapt (B) Ahmad Sufiani Johari yang menerajui penganjuran acara ini, sukarelawan yang cemerlang daripada Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, FIT Malaysia dan komuniti Putrajaya, media, penonton serta pegawai-pegawai.

Penonton dari Malaysia dan luar negara amat gembira dengan persaingan sengit dalam kalangan pemain. Terdapat kira-kira 8,000 penonton untuk acara pembukaan dan penutup, yang merupakan satu perangkaan yang hebat. Walaupun kehadiran penonton selalunya baik pada edisi sebelumnya, tetapi pada kali ini ia adalah kejohanan terbesar dalam sejarah kejohanan sejak ia bermula pada 1988.

Sejumlah 2,500 peserta daripada 117 pasukan dari 26 negara mengambil bahagian dalam pelbagai kategori. Pada edisi sebelum ini di Coffs Harbour di New South Wales, Australia, 2,000 peserta dari 20 negara mengambil bahagian.

Dalam edisi kesembilan Piala Dunia FIT Touch, Australia telah memenangi lapan gelaran dalam acara Lelaki, Wanita, Campuran Terbuka, Lelaki 30, 35 dan 45; Campuran 30 dan Wanita 35. Sementara itu New Zealand memenangi gelaran untuk Wanita 27, Lelaki 40 dan Lelaki 50.

Selain Malaysia antara negara yang akan menyertai pertandingan itu ialah Australia, Belgium, Chile, China, Taiwan, England, Fiji, Perancis, Jerman, Hong Kong, Ireland, Itali,

Jepun, Belanda, New Zealand, Papua New Guinea, Filipina, Samoa, Scotland, Singapura, Afrika Selatan, Emiriah Arab Bersatu, Amerika Syarikat, Wales.



Sambutan Ramadan di Putrajaya meriah

Ketibaan bulan Ramadan amatlah dinantikan dan menjadi anugerah kepada seluruh umat Islam oleh Allah SWT. Bulan mulia yang penuh dengan keberkatan ini mengajar umat Islam untuk lebih bersabar dan berdisiplin selain mengambil kesempatan untuk menggandakan amal ibadah.

Ramadan disambut dengan penuh kegembiraan dan kesyukuran oleh seluruh umat manusia terutamanya di Malaysia. Seluruh masjid diimarahkan dengan pelbagai aktiviti keagamaan terutama solat tarawih di sebelah malam, selain kewujudan bazar Ramadan yang menjadi tumpuan untuk membeli juadah berbuka puasa.

Sambutan bulan Ramadan di Putrajaya mempunyai keunikan tersendiri terutama pada sebelah petang, selepas warganya yang sebahagian besar penjawat awam pulang dari berkerja. Berbanding tempat lain yang mempunyai bazar Ramadan di setiap kawasan penempatan, Putrajaya hanya mempunyai satu bazar Ramadan yang terletak di Presint 3, sekali gus menjadi tumpuan utama orang ramai untuk membeli juadah berbuka puasa.

Kedudukan bazar Ramadan ini yang bersebelahan dengan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin dan disertai oleh 300 peniaga yang menyediakan lebih 1,000 menu, sudah pastilah ia menjadi tumpuan pengunjung untuk mendapatkan juadah berbuka puasa.

Antara gerai yang menjadi tumpuan di bazar Ramadan pada kali ini adalah gerai Murtabak Legend dan Murtabak Keramat, Mi Tonggek dan Tepung Pelita Paya Jaras serta Jus Nanas MD2.

Setelah mendapatkan juadah yang dihajati, pastinya lokasi untuk berbuka

puasa menjadi tumpuan. Selain hotel dan restoran yang menawarkan bufet dengan pelbagai sajian, lokasi terbuka turut menjadi pilihan warga Putrajaya untuk berbuka puasa.

Padang yang terletak di hadapan Kompleks Perbadanan Putrajaya, Dataran Putrajaya, Presint 3, atau lebih dikenali sebagai Laman Iftar adalah antara lokasi yang menjadi tumpuan utama. Seawal jam 6 petang lagi padang tersebut telah dipenuhi oleh orang ramai yang membentang tikar dan duduk menikmati juadah sebaik sahaja azan Maghrib berkumandang.

Amalan berbuka puasa di padang telah menjadi kebiasaan di Putrajaya sejak beberapa tahun lalu disebabkan masjid yang dekat menjadi antara faktor utama lokasi itu digemari, selain suasana lebih santai dan segar berbanding berbuka puasa di kedai atau di rumah.

Presint 3 juga turut menjadi lokasi warga Putrajaya dan sekitar membuat persiapan menyambut Aidilfitri, iaitu di Anjung Syawal yang terletak berhadapan Kompleks PPJ. Anjung Syawal beroperasi dalam khemah berhawa dingin menempatkan lebih 300 peniaga menjual barangan untuk hari raya seperti baju kurung, baju Melayu, kasut dan kuih raya termasuk juga kepada peminat batik yang kini menjadi trend.

Bagi menunaikan solat tarawih pula, dua masjid utama disamping surau-surau yang terdapat di Putrajaya menjadi tumpuan. Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Masjid Putra di Presint 1 dibanjiri dengan kedatangan umat Islam bukan sahaja dari Putrajaya tetapi dari seluruh Lembah Klang yang berjemaah bersama-sama mengerjakan solat Isyak dan solat sunat tarawih.



Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri di Seri Perdana

Suasana di Kompleks Seri Perdana, Presint 10 di Putrajaya meriah dengan kehadiran orang ramai yang membanjiri Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Perdana Menteri dan Anggota Jemaah Menteri 2019. Ini merupakan majlis rumah terbuka Aidilfitri kedua Pakatan Harapan yang dipimpin oleh Dr. Mahathir setelah memenangi Pilihan Raya Umum ke-14.

Kehadiran pengunjung terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan usia amat menggalakkan malah ada yang datang seawal jam 7.30 pagi untuk masuk ke perkarangan kompleks Seri Perdana.

Pelbagai juadah disediakan kepada pengunjung terletak di Laman Sari Kompleks Seri Perdana.

Selain itu, kelihatan pengunjung beratur panjang dan sabar menunggu kehadiran Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali selain Menteri Kabinet untuk bersalam di kediaman rasmi tersebut.

Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri di Kompleks Seri Perdana kali ini bermula jam 10 pagi hingga 4.30 petang.

Menerusi kenyataan Jabatan Perdana Menteri sebelum ini, dianggarkan kira-kira 50,000 pengunjung dijangka hadir memeriahkan majlis berkenaan yang bertujuan beramah mesra serta mengeratkan silaturahim antara pemimpin dengan rakyat.

Ia juga diadakan dalam meningkatkan persefahaman masyarakat dan berkongsi kegembiraan bersama-sama dengan golongan kurang bernasib baik.

Selain kemudahan 1,150 parkir kereta berhampiran kawasan Seri Perdana, bagi memudahkan pengunjung ke majlis tersebut, perkhidmatan bas percuma bermula 9.30 pagi turut disediakan di tiga lokasi iaitu Putrajaya Sentral, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Masjid Putra dengan kekerapan setiap 15 hingga 20 minit.

Anugerah Gerai Wow Tingkat Kesedaran Peniaga Bazar Ramadan



Anugerah Gerai Wow anjuran Perbadanan Putrajaya (PPj) berjaya meningkatkan kesedaran penjagaan kualiti dan aspek kebersihan makanan dalam kalangan 300 peniaga Bazar Ramadan Putrajaya 2019 di sini.

Pertandingan tersebut bermula dari 4 Mei atau 1 Ramadan lalu, bertujuan mendorong serta memupuk semangat daya saing secara sihat dalam kalangan peniaga untuk memastikan jaminan kualiti makanan dan minuman yang dijual adalah yang terbaik.

Sebanyak tiga kategori telah dipertandingkan iaitu makanan, minuman dan kuih-muih. Kaedah penilaian mencakupi aspek kebersihan bermula dari tapak jualan sehingga kepada penyediaan makanan, pematuhan peraturan dan syarat lesen serta aspek keceriaan gerai dalam menarik pengunjung.

Bagi kategori makanan telah dimenangi oleh Norizuwan Shah Zainal yang menjual me rebus Johor. Kategori minuman pula

dimenangi oleh Ab. Rahaman Asbari dan kuih-muih oleh Mohd. Syahrizan Ismail yang menjual roti John.

Setiap pemenang menerima hadiah wang tunai RM250, hamper serta sijil penghargaan. Hadiah paling istimewa ialah pemenang akan diberi keutamaan dalam pemilihan peniaga Bazar Ramadan Putrajaya pada tahun berikutnya tanpa perlu melalui proses undian lot.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk Dr. Aminuddin Hassim.





SESI TOWN HALL

YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN
BERSAMA
WARGA KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
DAN AGENSI





MILO® membawa kembali Hari Sarapan Malaysia MILO®, acara sarapan pagi yang terbesar di Malaysia dalam usaha berterusan untuk meningkatkan kesedaran rakyat supaya menjadikan sajian terpenting dalam sehari itu lebih sihat dan berkhasiat untuk seisi keluarga. Acara yang berlangsung selama dua hari di Dataran Putrajaya iaitu pada 29 dan 30 Jun 2019, Presint 3 telah menarik seramai 50,000 peserta untuk menyertai pelbagai aktiviti menarik yang berunsurkan pendidikan, termasuk larian 3km dan 5km, sekaligus membuka tirai acara jelajah yang meliputi enam lokasi lain di seluruh negara.

Acara sarapan pagi terbesar MILO® Malaysia ini kini memasuki tahun ketujuh penganjuran dengan fokus terhadap kepentingan memulakan hari dengan sarapan pagi yang sihat khususnya untuk kanak-kanak agar mereka kekal bertenaga menghadapi hari. Menerusi acara ini, kesedaran dalam kalangan ibu bapa bahawa kehidupan seharian anak-anak mereka sebenarnya adalah lebih mencabar daripada yang disangka dapat diwujudkan. Setiap hari persekolahan anak-anak padat dengan pelbagai aktiviti. Mereka perlu bangun awal untuk menaiki bas sekolah, memberikan tumpuan dalam kelas, menyertai pelbagai aktiviti kokurikulum, kelas tambahan dan sukan kegemaran mereka, bahkan mengulang kaji pelajaran pada waktu malam.

Nestlé memainkan peranan untuk membantu mewujudkan kehidupan yang lebih sihat dan bahagia dengan menggalakkan amalan gaya hidup sihat. Memupuk tabiat sarapan pagi yang sihat adalah selari dengan matlamat untuk meningkatkan mutu kehidupan serta menyumbang kepada masa hadapan yang lebih sihat. Nestlé amat teruja untuk meneruskan Hari Sarapan MILO® Malaysia sebagai platform untuk menyatukan keluarga untuk sama-sama mempelajari kepentingan sarapan pagi yang sihat dan seimbang sebagai sumber tenaga untuk memulakan hari, di samping menggalakkan gaya hidup sihat menerusi pelbagai aktiviti fizikal dalam acara ini.

Mengekalkan pemakanan sebagai fokus terasnya, MILO® terus komited menawarkan pelbagai produk yang sihat dan berkhasiat kepada pengguna. Minuman yang tidak dapat dipisahkan daripada sajian sarapan pagi untuk turun-temurun lamanya di Malaysia, MILO® mengandungi kebaikan semula jadi susu, malt dan

koko, serta pelbagai vitamin dan mineral penting yang dapat membantu membebaskan tenaga secara efisien daripada makanan. Sarapan pagi sihat yang dipadankan dengan MILO® dapat membantu memenuhi keperluan tenaga harian anda untuk kekal aktif dan menghadapi hari.

Sarapan pagi yang sihat adalah sangat penting kerana dapat membantu menggantikan semula tenaga serta pelbagai khasiat penting selepas tidur semalaman, sekaligus memberikan tenaga untuk memulakan hari baru yang aktif. Kira-kira 25% keperluan tenaga harian dapat dibekalkan melalui sarapan. Bagi kanak-kanak, ini bermakna mereka dapat memberikan tahap fokus dan tumpuan yang lebih tinggi untuk membantu mereka meningkatkan prestasi di sekolah."

Meneruskan usaha memupuk amalan sihat dalam kalangan pengguna, MILO® bekerjasama dengan Persatuan Dietitian Malaysia (MDA) dalam kempen Hari Sarapan Malaysia MILO®. MDA menawarkan pemeriksaan Indeks Jisim Tubuh (BMI) serta sesi 'Ask A Dietitian' yang menyediakan perundingan tentang diet serta penyakit yang berkaitan kepada para peserta dalam acara tersebut.

Bagi menawarkan sarapan pagi yang sihat dan berkhasiat kepada sebanyak mungkin keluarga di Malaysia, MILO® turut meneruskan kerjasama dengan Food Aid Foundation. Sebahagian dana yang dikumpul daripada larian Hari Sarapan Malaysia MILO® akan dimanfaatkan untuk membantu misi Food Aid Foundation menyediakan pilihan sarapan pagi yang sihat kepada keluarga yang kurang berkemampuan di seluruh negara.

Selain acara larian, para peserta juga berpeluang menyertai pelbagai aktiviti fizikal yang disediakan untuk membantu mereka kekal aktif, termasuklah Zumba, bola keranjang arked, bola sepak sasaran serta pertandingan futsal 3 vs 3. Terdapat juga pendidikan mengenai sarapan pagi di mana Chef Muluk menyampaikan demonstrasi penyediaan sarapan pagi kreatif yang mudah untuk dicuba oleh semua, termasuk kanak-kanak.

Jelajah Hari Sarapan Malaysia MILO® akan diteruskan di Pulau Pinang, Kuantan, Batu Pahat, Kota Bharu, Kota Kinabalu dan Kuching. Untuk maklumat lanjut mengenai Hari Sarapan Malaysia MILO®, layari: www.milo.com.my.